

# **Kajian Keberkesanan**

## **Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya**



### **Mentor:**

Dr. Sazali bin Yusoff

### **Pasukan Penyelidik:**

Lim Siew Ngen  
Shahrin bin Alias  
Maimunah binti Karim  
Kumaravalu a/l Ramasamy  
Mohd Rozali bin Mohamed Subandi  
Dr. Ruzina binti Jusoh

Jabatan Latihan Pengurusan dan Aplikasi TMK  
Pusat Penyelidikan, Penilaian dan TMK  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bandar Enstek, 71760 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus

## **Isi Kandungan**

### Abstrak

### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latar Belakang .....	1
1.2	Penyataan Masalah Kajian.....	2
1.3	Tujuan Kajian.....	2
1.4	Objektif Kajian.....	2
1.5	Soalan Kajian .....	3
1.6	Kerangka Kajian .....	3
1.7	Kepentingan Kajian .....	4
1.8	Skop Kajian.....	4
1.9	Batasan Kajian .....	4
1.10	Definisi Operasi .....	5

### BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan .....	6
2.2	VLE dalam Pendidikan di Malaysia .....	6
2.3	Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya.....	8
2.4	Peranan Pemimpin Sekolah dalam pengurusan pelaksanaan VLE.....	10
2.5	Model Penilaian Latihan Kirkpatrick.....	11
2.6	Kesimpulan .....	14

### BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan .....	15
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	15
3.3	Instrumen Kajian.....	15
3.4	Populasi dan Sampel Kajian .....	16
3.5	Kaedah Pengumpulan Data.....	16

3.6 Kaedah Penganalisisan Data ..... 17

3.7 Kesimpulan ..... 18

#### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan ..... 19

4.2 Demografi ..... 19

4.3 Hasil Kajian ..... 21

4.4 Kesimpulan ..... 29

#### BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan ..... 30

5.2 Persepsi peserta kursus tentang kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas ..... 30

5.3 Perubahan tingkah laku pengetua dan guru besar dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui kursus PPM ..... 31

5.4 Cadangan-cadangan penambahbaikan peserta kursus ..... 32

5.5 Implikasi kepada IAB ..... 33

5.6 Cadangan kajian lanjutan ..... 33

5.7 Kesimpulan ..... 33

#### RUJUKAN

Lampiran A: Borang BK09

Lampiran B: Borang soal selidik

**Rajah**

Rajah 1: Kerangka kajian.....	3
-------------------------------	---

**Jadual**

Jadual 1: Profil Pemimpin Sekolah.....	19
Jadual 2: Lokasi sekolah kajian .....	20
Jadual 3: Capaian Internet di Sekolah.....	20
Jadual 4: Rumusan penilain kursus BK09 .....	21
Jadual 5: Peratus kepuasan peserta kursus mengikut item penilaian dan sesi kursus.....	22
Jadual 6: Perancangan VLE .....	22
Jadual 7: Pelaksanaan VLE.....	23
Jadual 8: Pemantauan VLE.....	24
Jadual 9: Cadangan penambahaikan bagi Sesi 1.....	25
Jadual 10: Cadangan penambahaikan bagi Sesi 2.....	26
Jadual 11: Cadangan penambahaikan bagi Sesi 3.....	26
Jadual 12: Cadangan penambahaikan bagi Sesi 4.....	27
Jadual 13: Cadangan penambahaikan bagi Sesi 5.....	28

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membekalkan perkhidmatan 1BestariNet yang merangkumi akses Internet dan pelantar persekitaran pembelajaran maya kesemua sekolah. Pelantar persekitaran pembelajaran maya atau *Virtual Learning Environment* (VLE) ialah aplikasi dalam talian yang menyediakan kemudahan pengurusan pengajaran dan pembelajaran(PdP) bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan penyampaian pembelajaran.

Pemasangan 1BestariNet di sekolah dilakukan secara berperingkat bermula pada tahun 2012. Projek ini mensasarkan 10,000 buah sekolah rendah dan menengah dilengkapi dengan capaian Internet berkelajuan tinggi 4G. Projek VLE bertujuan membolehkan warga sekolah berinteraksi, mengakses dan berkongsi bahan pembelajaran serta berkomunikasi.

Pelantar VLE ini ialah sistem pembelajaran berdasarkan laman web yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana juga dengan adanya sambungan Internet. Hal ini bererti pembelajaran boleh berlaku sama ada di dalam atau pun di luar sekolah, 24 jam sehari, dan 7 hari seminggu. Pelantar VLE yang dipilih bagi projek 1BestariNet ini mempunyai fungsi sebagai komuniti pembelajaran bagi seluruh warga sekolah; membolehkan proses pembelajaran dan pengajaran interaktif dan berpusatkan murid; penyampaian maklumat berkesan kepada warga sekolah; dan menjadikan pengurusan pembelajaran lebih teratur. Pengguna VLE boleh dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut peranan masing-masing iaitu guru, murid, ibu bapa, dan pentadbir VLE.

Latihan penggunaan VLE adalah diwajibkan untuk memastikan VLE dilaksanakan dengan jayanya. Dalam kes ini, pihak pembekal hanya memberikan latihan kepada 351 buah sekolah champion manakala latihan kepada 9649 buah sekolah yang selebihnya diuruskan oleh pihak KPM. Sehubungan itu, agensi-agensi pendidikan KPM seperti Institut Aminuddin Baki (IAB), Jabatan Pendidikan Negeri, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pusat Kegiatan Guru telah diberikan tugas dan tanggungjawab untuk memberi pendedahan pelaksanaan VLE atau latihan kemahiran kepada semua warga sekolah.

Kejayaan pelaksanaan VLE di sekolah bergantung kepada komitmen pengetua dan guru besar. Sebagai pemimpin sekolah, mereka memainkan peranan untuk merancang, menyebar luas, melaksana, menyelaras, membimbang, memantau, dan mengawal pelaksanaan

VLE di sekolah masing-masing. Sehubungan itu, pihak IAB diberikan tanggungjawab untuk memberikan latihan pengurusan pelaksanaan VLE kepada pemimpin sekolah. Pihak IAB telah mereka bentuk kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (PPM) kepada pemimpin sekolah dengan tujuan membantu mereka untuk menguruskan pelaksanaan VLE di sekolah. Latihan kepada pemimpin telah bermula pada tahun 2013 sehingga kini, seramai 6385 orang pemimpin sekolah telah diberikan latihan PPM.

## **1.2 Penyataan Masalah Kajian**

Latihan PPM kepada pemimpin sekolah telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2014. Seramai 6385 orang pemimpin sekolah telah diberikan latihan oleh pihak IAB. Walau bagaimanapun, Laporan Ketua Audit Negara Siri 3/2013 (Utusan Online, 2014) menyatakan bahawa penggunaan VLE oleh golongan sasaran iaitu guru, pelajar dan ibu bapa sangat rendah, iaitu pada tahap penggunaan 0.01 peratus sehingga 4.69 peratus sahaja.

Secara tidak langsung, wujud persoalan sejauhmana keberkesanan kursus PPM yang dianjurkan oleh pihak IAB dapat membantu pemimpin sekolah dalam pelaksanaan VLE. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat keberkesanan kursus PPM.

## **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keberkesanan kursus PPM anjuran IAB pada tahun 2014 dengan memberi focus kepada persepsi pemimpin sekolah terhadap kesesuaian kursus dengan tugas mereka; meninjau aplikasi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada kursus yang telah dihadiri dalam menjalankan tugas mereka; serta cadangan penambahbaikan ke atas kursus PPM.

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut;

- i) Mengenal pasti kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas pemimpin sekolah berdasarkan persepsi peserta kursus;
- ii) Mengenal pasti perubahan tingkah laku untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus PPM yang telah dihadiri untuk menjalankan tugas; dan
- iii) Mengenal pasti cadangan penambahbaikan kursus PPM.


## 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian tersebut, soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Apakah persepsi peserta kursus mengenai kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas?
- ii) Adakah perubahan tingkah laku pengetua dan guru besar dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus PPM untuk menjalankan tugas mereka?
- iii) Apakah cadangan penambahaikan kursus PPM daripada peserta kursus?

## 1.6 Kerangka Kajian

Kajian ini menggunakan model empat tahap penilaian latihan Kirkpatrick (1983; 1987) iaitu penilaian dari segi reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan keberhasilan untuk menilai keberkesanan kursus PPM. Rajah 1 menggambarkan kerangka kajian keberkesanan kursus PPM dalam kalangan pemimpin sekolah yang telah menghadiri kursus tersebut.



Rajah 1: Kerangka kajian

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk membantu pihak pengurusan IAB khasnya Pusat Penyelidikan, Penilaian dan TMK dalam menabahbaik reka bentuk kursus PPM.

Dapatan kajian juga memberi maklumat dan kesedaran kepada para pensyarah IAB yang terlibat dalam penyampaian kursus PPM tentang kepuasan peserta terhadap kursus yang dihadiri dan aplikasi kemahiran dan pengetahuan yang telah dipelajari ke dalam tugas mereka.

Selain daripada itu, kajian ini diharap dapat menimbulkan kesedaran dalam kalangan pensyarah IAB bahawa peranan mereka adalah mustahak untuk membantu pengetua dan guru besar dalam mengurus pelaksanaan VLE di sekolah.

## **1.8 Skop Kajian**

Model Penilaian Latihan Kirkpatrick (Kirkpatrick, 1994) empat tahap digunakan untuk mengkaji keberkesanannya kursus PPM yang telah dianjurkan oleh pihak IAB. Namun, kajian ini hanya berfokus kepada tahap reaksi dan tahap tingkah laku. Tahap reaksi menilai kepuasan peserta terhadap program latihan yang diikuti berdasarkan persepsi mereka. Manakala tahap tingkah laku biasanya mengukur kemampuan peserta program latihan mengaplikasikan atau memindahkan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang baharu dikuasai daripada program latihan kepada situasi kerja mereka.

Bagi tahap reaksi, peserta kursus PPM memberikan maklum balas dengan menggunakan borang penilaian BK09, sebaik sahaja tamat kursus PPM. Bagi tahap tingkah laku pula, borang soal selidik digubal dan dihantar kepada peserta kursus secara dalam talian.

Kajian ini hanya tertumpu kepada 250 pengetua dan guru besar yang telah menghadiri kursus PPM anjuran IAB pada tahun 2014.

## **1.9 Batasan Kajian**

Berikut adalah batasan-batasan kajian, iaitu:

- a) Kajian ini hanya mengambil maklum balas (i-Penilaian) 1267 peserta daripada 4870 peserta yang telah dilatih pada tahun 2014.
- b) Kajian ini hanya melibatkan 250 pengetua dan guru besar seluruh negara. Oleh itu, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada semua pengetua dan guru besar di Malaysia.

- c) Kajian ini juga terbatas dengan kaedah pengambilan data secara dalam talian dalam tempoh satu bulan semasa cuti sekolah. Oleh itu, berkemungkinan pemimpin sekolah gagal menjawab soal selidik kerana faktor masa dan teknikal.
- d) Kajian ini hanya bertumpu kepada tahap reaksi dan tahap tingkah laku dalam Model Penilaian Latihan Kirkpatrick.
- e) Kajian ini juga mengabaikan pengambilan data secara langsung daripada peserta kursus.

### **1.10 Definisi Operasi**

Bagi penetapan matlamat kajian ini berada dalam skopnya, beberapa pendefinisian konseptual dan operational dijelaskan terhadap beberapa item seperti yang berikut:

- i) Pemimpin Sekolah – merujuk kepada pengetua, guru besar dan guru penolong kanan
- ii) Profil sekolah – maklumat tentang jawatan responden, negeri sekolah kajian, dan status pemasangan 1BestariNet.
- iii) 1BestariNet – projek merangkaian semua sekolah di Malaysia dengan capaian Internet berkelajuan tinggi 4G
- iv) VLE – platform pembelajaran maya yang dilaksanakan di bawah Projek 1BestariNet
- v) Peserta – pemimpin sekolah yang menghadiri kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (PPM) anjuran IAB

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Tinjauan literatur ini bertujuan memberikan satu kerangka teori dan asas empirikal untuk kajian keberkesanan kursus PPM yang dijalankan oleh IAB untuk pemimpin sekolah. Matlamat utama kursus ini untuk mempertingkat pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka dalam menguruskan penggunaan VLE di sekolah. Dalam bab ini, perbincangan berfokus kepada VLE dalam pendidikan di Malaysia; kursus PPM anjuran IAB; peranan pemimpin sekolah dalam pengurusan pelaksanaanVLE; dan Model Penilaian Latihan Kirkpatrick.

#### **2.2 VLE dalam Pendidikan di Malaysia**

Pimentel (1999) mentakrifkan VLE sebagai persekitaran yang mengupayakan penilaian kendiri, situasi dan prestasi murid; bertindak serta maju melalui pengalaman dan pembelajaran; melakukan sesuatu tugas berulang kali sehingga menjadi lebih baik. Takrifan ini memberikan penekanan kepada pembelajaran experiential dan persekitaran yang memberi peluang kepada murid memajukan diri mengikut kemampuan masing-masing.

Menurut Gurnam Kaur Sidhu (2003), pembelajaran maya memberikan autonomi kepada murid untuk terlibat dalam pembelajaran terarah kendiri (self-directed learning), memilih masa, tempat belajar, isi kandungan, dan kadar pembelajaran yang sesuai mengikut kemampuan diri. Tambah beliau, pembelajaran yang disediakan di institusi pendidikan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pembelajaran sepanjang hayat pelajar, khususnya dalam keadaan dunia yang berubah dengan begitu pesat. Pembelajaran maya telah menjadi satu tren dunia dan permintaan terhadapnya semakin meningkat.

Pelaksanaan VLE di Malaysia selaras dengan tuntutan pendidikan abad ke-21 yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid; yang mana mereka mempunyai kawalan terhadap pembelajarannya. Menurut Petty (2004), terdapat beberapa kaedah dalam pembelajaran berpusatkan murid iaitu membaca untuk pembelajaran, belajar sendiri, tugas dan projek, laporan dan eseи, belajar melalui pengalaman, pembelajaran kendiri, penemuan terpimpin, dan pembelajaran terarah kendiri. Murid bertanggungjawab untuk mencari maklumat, membina makna dan konsep, dan menyelesaikan masalah secara aktif melalui pembelajaran kendiri dan pembelajaran kolaboratif.

Menurut fahaman konstruktivisme, pelajar membina makna untuk pengalaman baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada (Glaserfeld, 1989, Johassen, 1991). Peranan guru adalah

sebagai fasilitator pembelajaran iaitu menyediakan persekitaran pembelajaran yang memberi motivasi kepada murid untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan baharu. Pembelajaran murid tidak hanya terhad kepada interaksi bersemuka dengan guru. Pelajar mempunyai kebebasan berkomunikasi dengan guru atau sesiapa sahaja tanpa berjumpa secara bersemuka. Pembelajaran berbantukan teknologi internet mampu melahirkan pelajar yang memenuhi aspirasi pendidikan kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran literasi komputer, berfikir secara kreatif, berfikir secara kritis, berkomunikasi, berkolaboratif dan mampu menyelesaikan masalah. Pendidikan konvensional banyak bergantung kepada guru untuk pemikiran rutin dan menjawab soalan (Bowker, 2010). Menurut Bruce dan Levin (1997), usaha menggalakkan guru untuk meninggalkan amalan konvensional dan mengintegrasikan teknologi dalam pedagogi merupakan satu cabaran besar. Dengan itu, VLE dapat memenuhi kebanyakan aspek dalam fahaman konstruktivisme.

Antara kelebihan VLE ialah membenarkan pembelajaran berlaku sepanjang masa, di mana-mana dan pada bila-bila masa. Teknologi yang boleh diakses pada bila-bila masa adalah satu faktor penting untuk membudayakan penggunaan teknologi tersebut. Namun begitu beberapa kriteria lain perlu dipenuhi bagi membudayakan penggunaan teknologi khususnya penggunaan teknologi dalam pedagogi bagi tujuan menghasilkan pembelajaran yang inovatif. Fullan (2012) menggariskan empat kriteria bagi mengintegrasikan teknologi dan pedagogi dalam menghasilkan pembelajaran yang inovatif untuk semua murid dalam abad ke-21. Keempat-empat kriteria adalah seperti yang berikut:

- i) Wujud keterdesakan untuk murid dan guru mengguna (*Irresistibly engaging*)
- ii) Cekap dan mudah untuk diguna (*Elegantly efficient and easy to use*)
- iii) Teknologi yang terdapat di mana-mana sahaja 24/7 (*Technologically ubiquitous 24/7*)
- iv) Berkait rapat dengan penyelesaian masalah kehidupan sebenar (*Steeped in real-life problem solving*)

Pandangan Fullan (2012) mencetuskan beberapa persoalan yang relevan untuk difikirkan bersama oleh semua pihak yang ingin mempromosikan VLE sebagai pengupaya inovasi dalam pendidikan atau kurikulum sekolah. Antara persoalan yang timbul adalah seperti yang berikut:

1. Adakah VLE mampu menarik penglibatan aktif dalam kalangan guru dan mengatasi rintangan psikologi seperti faktor minat, sikap, motivasi dan kepuasan?
2. Adakah VLE mudah untuk diguna dan mampu meningkatkan kecekapan kerja guru?
3. Adakah VLE boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa (24 jam sehari, 7 hari seminggu)?

4. Adakah VLE boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah kehidupan sebenar khususnya berkaitan dengan konteks kerja?

Penggunaan VLE sebagai langkah meningkatkan kualiti murid melalui pendidikan berkualiti adalah sejajar dengan dasar yang termaktub di dalam PPPM (KPM, 2013). Projek 1BestariNet mula dilaksanakan di sekolah pada tahun 2012. Di bawah projek ini, VLE diperkenalkan di sekolah dengan tujuan membolehkan warga sekolah berinteraksi, mengakses dan berkogsi bahan pembelajaran serta berkomunikasi secara maya. VLE sering dikaitkan dengan konsep seperti e-pembelajaran, pembelajaran dalam talian, pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran berasaskan laman web. VLE merupakan satu trend pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penggunaan internet untuk menguruskan pembelajaran, membekalkan mekanisma penghantaran maklumat, pemantauan prestasi pelajar dan capaian kepada sumber PdP dengan segera. Selaras dengan perkembangan itu, KPM memutuskan supaya VLE dilaksanakan di semua sekolah. Namun begitu, cabaran masih ada untuk menggalakkan penggunaan VLE kerana masalah peralatan dan akses internet.

Penggunaan VLE bergantung kepada penguasaan pengetahuan konsep dan operasi VLE serta kemahiran penggunaan VLE. Lazimnya pengguna belajar cara menggunakan VLE dahulu dan selepas itu menggunakan VLE untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran. Hal ini secara umumnya adalah benar untuk penggunaan semua jenis teknologi yang diperkenalkan di sekolah (Mohd Izham Mohd Hamzah & Norazah Mohd. Nordin, 2007). Walau bagaimanapun sejauh manakah VLE mudah dipelajari dan digunakan berbanding dengan aplikasi dalam talian lain masih merupakan satu persoalan. Selain itu, terdapat juga pengguna yang masih kurang selesa dengan komputer dan teknologi (Wan Mustama Wan Abdul Hayat, Ahmad Rafee Che Kassim, Mazlan Samsudin, Chua Hong Tam & Abdul Razak Manaf, 2004).

### **2.3 Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya**

Bagi memastikan VLE dilaksanakan dengan baik di sekolah, latihan kepada pemimpin sekolah amat penting. Oleh itu, bahagian-bahagian tertentu dalam KPM telah dimandatkan untuk memberi latihan kepada pengguna VLE. Institut Aminuddin Baki (IAB) dipertanggungjawab untuk melatih pemimpin sekolah; Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dipertanggungjawab untuk melatih murid dan guru dalam perkhidmatan; dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dipertanggungjawab untuk melatih guru pelatih.

Justeru, pihak IAB melalui Pusat Penyelidikan Penilaian dan TMK telah mereka bentuk kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (PPM). Pada tahun 2012, kursus PPM selama

16 jam telah direka bentuk berdasarkan Standard Pengurusan Kualiti IAB. Kursus ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Latihan IAB dan diluluskan oleh Majlis Lembaga Pengajian IAB.

Kursus ini dilaksanakan pada tahun 2013 kepada seramai 1515 pemimpin sekolah. Pada April 2014, Mesyuarat Penyelarasan Latihan VLE kepada pemimpin sekolah yang dipengerusikan oleh PADU pada 11 April 2014 memutuskan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pemimpin sekolah diberikan latihan VLE pada tahun yang sama. Memandangkan kekangan masa dan tenaga pengajar, kursus PPM selama 16 jam disepadukan kepada 10 jam. Walau bagaimanapun, kandungan kursus sama dan memberi fokus kepada pengurusan pelaksanaan VLE di sekolah. Mulai Jun hingga Disember 2014, seramai 4870 pemimpin sekolah telah diberikan latihan VLE.

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pemimpin sekolah memahami konsep dan perkembangan VLE dalam pendidikan; memahami dan menguasai fungsi VLE; memahami pengurusan pelaksanaan VLE di sekolah seperti merancang, mengurus, dan memantau pelan tindakan pelaksanaan VLE di sekolah.

### **Sesi 1 – Konsep Pembelajaran Maya**

Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya dimulakan dengan menjelaskan konsep, perkembangan, komponen asas, contoh, kelebihan, dan cabaran pembelajaran maya secara amnya dan VLE di sekolah secara khasnya. Selepas itu, peserta diminta log masuk ke dalam VLE sekolah masing-masing dengan menggunakan ID pengguna dan kata laluan yang betul.

### **Sesi 2 – Laman Pembelajaran**

Sesi ini merupakan sesi amali untuk membina laman pembelajaran. Mula-mula, peserta kursus diperkenalkan fungsi-fungsi yang terdapat di dalam pelantar VLE yang sedang dilaksanakan di sekolah. Kemudian, peserta belajar cara-cara membina laman pembelajaran dengan menggunakan fungsi-fungsi tersebut. Peserta boleh menguasai kemahiran memasukkan isi kandungan laman pembelajaran dengan menggunakan widget yang tersedia dalam pelantar VLE. Peserta boleh membina laman pembelajaran baru atau mengguna pakai laman pembelajaran sedia ada di dalam Frogstore.

### **Sesi 3 – Pengurusan Pelaksanaan VLE**

Sesi ini membolehkan peserta kursus memahami punca kegagalan dan amalan pengurusan bagi menjayakan pelaksanaan VLE di sekolah. Pada masa yang sama, peserta didedahkan

kemahiran-kemahiran menggunakan fungsi VLE bagi memantau penggunaan VLE dan bilangan laman yang telah dibina; menguruskan akaun pengguna, dan sumber-sumber sokongan berkaitan dengan penggunaan VLE. Sekiranya masa mengizinkan, peserta turut diberikan pendedahan kemahiran-kemahiran seperti:

- memasuk dan mengemaskini maklumat dashboard (peribadi/sekolah)
- menghasilkan calendar (peribadi/sekolah)
- menghasilkan borang soal selidik dalam talian
- membina soalan kuiz

#### **Sesi 4 – Penyediaan Pelan Tindakan**

Sesi ini merupakan sesi perbengkelan bagi menghasilkan satu pelan tindakan untuk menggalakkan penggunaan VLE di sekolah. Peserta kursus dipecahkan kepada kumpulan dan membincangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan VLE di sekolah.

#### **Sesi 5 – Pembentangan dan Rumusan**

Sesi 5 ini memberikan peluang kepada peserta kursus membentangkan hasil perbengkelan kumpulan mereka, iaitu pelan tindakan menggalakkan penggunaan VLE di sekolah. Kemudian, peserta lain diberikan peluang memberi komen dan input bagi tujuan penambahbaikan pelan tindakan. Di akhir sesi ini, pensyarah IAB akan merumuskan cadangan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan VLE.

#### **2.4 Peranan Pemimpin Sekolah dalam pengurusan pelaksanaan VLE**

VLE dilaksanakan di sekolah bermula pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 3 (Utusan Online 2014), penggunaan VLE oleh golongan sasaran adalah sangat rendah iaitu pada tahap penggunaan dalam lingkungan 0.01 peratus sehingga 4.69 peratus. Laporan ini juga mencadangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlu jelas agar pihak sekolah dapat melaksanakannya dengan baik.

Rentetan daripada Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 3, KPM mengedarkan Surat Siaran Bil.1/2015 (VLE) menggesa pengetua dan guru besar mengambil tindakan memastikan penggunaan VLE secara optimum. Perkara ini menunjukkan peranan pemimpin sekolah amat penting dalam menggalakkan penggunaan VLE di sekolah.

Dapatan kajian kuantitatif oleh Nurul Farhana Junus (2013) mendapati bahawa tahap penggunaan VLE oleh guru berkait rapat dengan faktor motivasi daripada pentadbir, prasarana TMK, kompetensi TMK, antara muka dan navigasi, dan kandungan pembelajaran.

## **2.5 Model Penilaian Latihan Kirkpatrick**

Penilaian dilakukan bagi melihat sejauh mana sesuatu program atau intervensi penambahbaikan adalah berkesan dalam mencapai matlamat dan objektifnya (Chan, 2003). Bramley (1994) dan Reeves (1996) menegaskan bahawa sesuatu program perlu dinilai untuk mengenal pasti kualiti pelaksanaan, pencapaian objektif dan impaknya terhadap organisasi. Namun, terdapat banyak pendekatan penilaian yang boleh diimplementasikan dan setiap satu mempunyai pendirian sendiri (Fitzpatrick, 1997; Dart, Petheram dan Straw, 1998). Terdapat beberapa model digunakan untuk menilai keberkesanan sesuatu program latihan. Model KIRO, Model KIPP dan Model Kirkpatrick antara model-model yang sering digunakan dalam kajian keberkesanan latihan (Wallace, 1991; Ibrahim Mamat, 1996). Model Kirkpatrick merupakan model penilaian yang paling kerap digunakan sejak diperkenalkan dalam *Journal for the American Society for Training Directors* pada tahun 1959 (Chan, 2003).

Model Penilaian Latihan Kirkpatrick (Kirkpatrick, 1994) digunakan untuk mengkaji keberkesanan kursus PPM yang telah dianjurkan oleh pihak IAB. Model ini mengesyorkan penilaian empat tahap iaitu penilaian dari segi reaksi, pembelajaran, perlakuan dan keberhasilan untuk menilai keberkesanan sesuatu program latihan.

### **Tahap Reaksi**

Tahap ini menilai kepuasan peserta terhadap program latihan yang diikuti berdasarkan persepsi mereka. Penilaian tahap reaksi ini penting kerana ia memberi maklumat yang penting tentang empat perkara iaitu:

- i) memudahkan penganjur latihan mengenal pasti kelemahan dan mengambil langkah penambahbaikan berdasarkan cadangan yang diberikan;
- ii) memaklumkan kepada peserta latihan bahawa mereka mempunyai peranan yang sama penting seperti pengurus kursus untuk memperbaik reka bentuk kursus dan juga pelaksanaannya;
- iii) membekalkan maklumat kuantitatif kepada pihak berkepentingan untuk membuat keputusan tertentu; dan
- iv) menentukan piawai prestasi bagi program latihan yang telah dijalankan.

### **Tahap Pembelajaran**

Tahap pembelajaran adalah lebih sukar diukur berbanding dengan tahap reaksi. Biasanya praujian dan pasca-ujian dijalankan untuk mengenal pasti peningkatan atau perubahan pengetahuan, kemahiran, dan sikap peserta program (Chan, 2003). Penilaian pada tahap ini hanya merujuk kepada keberkesanan kaedah pelaksanaan sesuatu program itu. Seseorang yang telah berjaya pada tahap pembelajaran belum pasti dapat mengaplikasikan sesuatu yang dipelajarinya dalam menjalankan tugas mereka. Kirkpatrick (2000) mencadangkan agar ujian prestasi (*performance test*) dijalankan untuk mengenal pasti peningkatan dalam pengetahuan atau kemahiran peserta program.

### **Tahap tingkah laku**

Selepas tamat program latihan, peserta biasanya kembali ke tempat kerja untuk menjalankan tugasnya. Tahap tingkah laku biasanya mengukur kemampuan peserta program latihan mengaplikasikan atau memindahkan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang baharu dikuasai daripada program latihan kepada situasi kerja mereka.

Biasanya pada peringkat ini penyelia di tempat kerja melakukan pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku peserta. Untuk meneliti perubahan tingkah laku peserta, penyelia boleh mengemukakan soalan-soalan seperti yang berikut:

- i) Adakah peserta masih mengulangi kesilapan yang sama selepas mengikuti sesuatu program latihan?
- ii) Adakah peserta dapat menggunakan kemahiran, pengetahuan dan sikap yang baharu dalam pekerjaan mereka?

Namun demikian, Kirkpatrick dan pengkaji lain menegaskan beberapa keadaan yang diperlukan untuk membolehkan perubahan tingkah laku berlaku (Kirkpatrick, 1994; Kirkpatrick, 2000; Chan, 2003). Antara keadaan yang diperlukan oleh pelatih ialah:

- i) mempunyai keinginan untuk melakukan perubahan;
- ii) mengetahui perkara dan cara melakukannya;
- iii) berada dalam iklim organisasi yang sesuai; dan
- iv) diberi ganjaran untuk melakukan perubahan.

Walaupun penilaian perubahan tingkah laku adalah penting, tetapi hal ini tidak bermakna tanpa melakukan tahap reaksi dan tahap pembelajaran terlebih dahulu (Chan, 2003).

## **Tahap Hasil**

Tahap hasil merupakan tahap yang paling sukar dinilai tetapi memberikan maklumat penting tentang kejayaan organisasi. Tahap ini mengukur impak program latihan terhadap organisasi selepas pelatih kembali bertugas. Impak program terhadap organisasi merangkumi perkara seperti peningkatan kualiti, produktiviti, keuntungan, keselamatan, pulangan pelaburan, moral dan semangat kerja sepasukan. Selain itu, tahap ini juga melihat impak ke atas pengurangan kos, masalah, konflik dan impak-impak lain (Kirkpatrick, 2000). Namun begitu, proses memungut, mengelola, dan menganalisis data pada tahap hasil adalah amat sukar dan mengambil masa yang lama serta kos yang tinggi (Chan, 2003).


Kesemua empat tahap penilaian menggunakan model Kirkpatrick membekalkan maklumat menyeluruh tentang pencapaian yang diperoleh oleh individu dan organisasi selepas pelaksanaan sesuatu program. Menurut Chan (2003), model Kirkpatrick merupakan kerangka yang paling sesuai untuk menilai keberkesanan sesuatu program.

### **2.6 *Technology Acceptance Model (TAM)***

Sejak beberapa dekad yang lalu, *Technology Acceptance Model (TAM)* yang dicadangkan oleh Davis (1989) telah diterima oleh para penyelidik untuk menjalankan kajian bagi membuktikan hubungan item dalam model ini dengan penggunaan sistem maklumat.

Dalam TAM, persepsi kebergunaan (perceived of usefulness) dan persepsi senang diguna (perceived ease of use) adalah faktor penentu kepada atau untuk meramalkan penggunaan sistem maklumat. Menurut Davis (1989) persepsi kebergunaan telah didefinisikan sebagai “the degree to which an individual believes that using a particular system would enhance his or her job performance” dan persepsi senang diguna pula telah didefinisikan sebagai “the degree to which an individual believes that using the technology will be free of physical and mental effort.” Persepsi senang diguna mempengaruhi persepsi kebergunaan. Kedua-dua pembolehubah ini mempengaruhi sikap individu terhadap penggunaan sistem atau teknologi. Sikap dan persepsi kebergunaan pula boleh meramalkan niat perlakuan individu dan kemudian niat guna akhirnya mempengaruhi tingkah laku sebenar seseorang untuk menerima sistem maklumat.

Rajah1: Model TAM (Davis, 1989)



Kajian empirikal yang berkaitan seperti ukuran penerimaan pengguna teknologi maklumat (Adams, Nelson and Todd, 1992) dan penggunaan sistem maklumat (Szajna, 1996) telah menyokong hipotesis persepsi kebergunaan dalam TAM adalah berkaitan langsung dengan penggunaan teknologi maklumat atau sistem maklumat. Menurut Venkatesh and Davis (2000), persepsi senang diguna mempunyai hubungan yang positif dan secara langsung memberi kesan kepada penerimaan pengguna teknologi maklumat.

## 2.7 Kesimpulan

VLE yang mula dilaksanakan pada tahun 2012 memerlukan komitmen daripada pemimpin sekolah untuk meningkatkan penggunaan VLE. Latihan diberikan kepada pemimpin bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengurus pelaksanaan VLE di sekolah. Namun sejauh mana keberkesanan latihan ini belum dikaji. Justeru Model Penilaian Latihan Kirkpatrick digunakan untuk mengenal pasti keberkesanan kursus PPM.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan kursus PPM anjuran IAB dan perubahan tingkah laku responden setelah mengikuti kursus tersebut. Bab ini dimulakan dengan penerangan metodologi kajian, diikuti dengan pengumpulan dan penganalisisan data. Pengkaji juga menerangkan proses pemilihan lokasi dan responden kajian.

Seterusnya, dalam bahagian pengumpulan data, pengkaji menerangkan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden dan prosedur yang dipatuhi untuk mengumpul data tersebut. Pada akhir bab ini, pengkaji menerangkan kaedah dan prosedur yang dipatuhi untuk menganalisis data yang telah dikumpul dan diakhiri dengan rumusan bab.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk *mixed methods design* yang bertujuan untuk menganalisis data kuantitatif dan kualitatif (Creswell, 2005). Pendekatan yang berbentuk deskriptif telah digunakan untuk meninjau keberkesanan kursus PPM. Menurut Leedy (1993) kajian tinjauan merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang menerangkan sifat pelbagai set data yang merangkumi pandangan dan sikap.

Kajian tinjauan deskriptif merupakan satu kajian yang bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi (Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, dan Abdul Rahim Hamdan, 2007).

#### **3.3 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan tiga sumber data untuk menjawab persoalan kajian iaitu borang BK09 (Lampiran A), dan borang soal selidik (Lampiran B). Borang BK09 yang diperoleh melalui sistem i-Penilaian digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian kursus PPM yang dianjurkan oleh pihak IAB. Manakala borang soal selidik digunakan untuk mengenal pasti perubahan tingkah laku responden setelah mendapat pengetahuan dan kemahiran daripada kursus PPM yang diikuti.

Borang BK09 terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama dibina dalam bentuk 4 Skala Likert yang menilai tujuh aspek kursus, iaitu:

- V1 Objektif sesi latihan tercapai;
- V2 Kandungan kursus yang disampaikan mudah difahami;
- V3 Kandungan sesi latihan sesuai dengan keperluan tugas;
- V4 Sesi latihan akan membantu dalam menjalankan tugas;
- V5 Kaedah sesi latihan merancang pembelajaran aktif;
- V6 Penggunaan masa sesi latihan berkesan; dan
- V7 Jawapan yang memuaskan kepada soalan peserta.

Manakala bahagian kedua BK09 terdiri daripada dua soalan terbuka, iaitu:

1. Apakah aspek dalam sesi latihan yang sangat bernilai untuk diri anda? Mengapa?
2. Apakah aspek dalam sesi latihan yang perlu penambahan? Mengapa?

Borang soal selidik merupakan satu kaedah yang popular untuk mengumpul data kerana pengkaji boleh mendapatkan data dengan mudah, dan maklum balas soal selidik mudah berkod (Uma Sekaran, 2000). Memandangkan borang soal selidik adalah paling berguna sebagai kaedah pengumpulan data, terutamanya apabila bilangan orang yang hendak dicapai di kawasan-kawasan geografi yang berbeza, satu set borang soal selidik dibina untuk mendapatkan respons berkaitan dengan pengurusan pelaksanaan VLE di sekolah. Borang soal selidik dalam talian itu mengandungi tiga bahagian iaitu:

- i) Demografi responden
- ii) Status pemasangan 1BestariNet
- iii) Pengurusan pelaksanaan VLE

### **3.4 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada 4870 orang pemimpin sekolah yang telah menghadiri kursus PPM pada tahun 2014. Borang soal selidik dalam talian telah dihantar kepada 1500 peserta kursus yang mendaftarkan alamat emel mereka. Daripada jumlah tersebut, seramai 250 peserta yang terdiri daripada pengetua dan guru besar sahaja dijadikan sampel kajian ini. Manakala maklum balas peserta terhadap kursus PPM pula sebanyak 1285 orang peserta kursus diambil.

### **3.5 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan tiga sumber data yang diperoleh daripada borang maklum balas sesi latihan BK09 secara dalam talian, dan borang soal selidik dalam talian.

### **3.5.1 Borang Maklum Balas Sesi Latihan (BK09)**

Borang ini membantu pihak pengurusan IAB memperbaik kaedah penyampaian dan reka bentuk kursus PPM. Borang dalam talian ini membenarkan peserta kursus memberikan maklum balas terhadap sesi pengajaran oleh pensyarah IAB bagi program latihan yang disediakan. Secara tidak langsung, cara ini dapat membantu pihak IAB dalam meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan misi dan visi IAB. Peserta kursus perlu mengisi borang penilaian secara dalam talian (e-penilaian) bagi semua tajuk sesi latihan (berdasarkan jadual kursus) dengan penuh rasa tanggungjawab, jujur, dan ikhlas tanpa melibatkan sebarang sebarang emosi. Identiti peserta dirahsiakan. Bagi kajian ini, maklum balas bagi 1285 peserta telah dikumpulkan melalui aplikasi i-Penilaian secara dalam talian.

### **3.5.2 Borang soal selidik**

Borang soal selidik ini diisi oleh peserta kursus secara dalam talian. Pengkaji telah menghantar kepada 1500 orang peserta kursus PPM pada tahun 2014. Mereka diberikan tempoh sebulan untuk mengisi borang tersebut. Daripada jumlah tersebut 340 peserta kursus telah memberikan respon. Selepas ditapis, hanya 250 peserta sahaja yang diterima kerana mereka adalah yang terdiri daripada pengetua dan guru besar.

Borang soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- i) Demografi yang terdiri daripada profil peserta kursus dan lokasi sekolah;
- ii) Status pemasangan 1BestariNet; dan
- iii) Maklum balas peserta terhadap pengurusan pelaksanaan VLE di sekolah.

## **3.6 Kaedah Penganalisisan Data**

Data kuantitatif dan kualitatif yang dikumpul dari tiga sumber yang diperoleh akan dianalisis untuk menjawab soalan kajian ini.

### **3.6.1 Analisis data kuantitatif**

Kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif. Statistik deskriptif ialah menganalisis data secara peratusan, frekuensi dengan menggunakan ukuran kecenderungan memusat iaitu min, mod dan median. Statistik deskriptif digunakan untuk kajian deskriptif seperti purata, peratus, histogram, dan taburan kekerapan yang tidak diuji untuk signifikan statistik dengan

pentadbiran statistik (Gliner, 2009). Bagi kajian ini, faktor demografi seperti jawatan, kategori sekolah, dan lokasi sekolah dianalisis menggunakan peratusan dan frekuensi.

### **3.6.2 Analisis data kualitatif**

Data kualitatif yang dikumpul memalui soalan terbuka BK09 dianalisis mengikut pendekatan Creswell (1998), iaitu: mengumpul data, mengurus data, membaca dan mereflek data, mengklasifikasi dan menginterpretasikan data dan akhir mempersempahkan data.

### **3.7 Kesimpulan**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan keberkesanan kursus PPM dalam kalangan pemimpin sekolah selepas menghadiri kursus tersebut. Data kajian yang diperoleh, dianalisis dan diharapkan dapat digunakan untuk penambahbaikan kursus PPM yang dianjurkan oleh pihak IAB pada masa akan datang.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini melaporkan dapatan kajian tentang persepsi pemimpin sekolah berdasarkan soalan kajian berikut:

- i) Apakah persepsi peserta kursus tentang kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas?
- ii) Adakah perubahan tingkah laku pengetua dan guru besar dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus PPM untuk menjalankan tugas mereka?
- iii) Apakah cadangan penambahbaikan kursus PPM daripada peserta kursus?

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama merangkumi profil pemimpin sekolah, lokasi sekolah kajian, dan capaian internet di sekolah. Bahagian kedua melaporkan persepsi peserta terhadap kesesuaian kursus PPM yang telah dihadiri. Seterusnya, bahagian ketiga melaporkan perubahan tingkah laku pengetua dan guru besar dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus PPM untuk menjalankan tugas mereka. Dapatan kajian ini diakhiri dengan cadangan penambahbaikan kursus PPM.

#### **4.2 Demografi**

##### **4.2.1 Pemimpin dan Lokasi Sekolah Kajian**

Kajian ini melibatkan 250 responden yang terdiri daripada guru besar dan pengetua. Profil pemimpin sekolah ditunjukkan dalam Jadual 1 dan lokasi sekolah kajian ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 1: Pemimpin sekolah kajian**

Maklumat	Kategori	Bil. Sampel (N= 250)	Peratus (%)
Jawatan	Guru Besar	196	78.4
	Pengetua	54	21.6

Jadual 1 menunjukkan 196 orang (78.4%) terdiri daripada guru besar dan 54 orang (21.6%) terdiri daripada pengetua.

**Jadual 2: Lokasi sekolah kajian**

Maklumat	Kategori	Bil. Sampel (N= 250)	Peratus (%)
Negeri	Johor	16	6.4
	Kedah	23	9.2
	Kelantan	12	4.8
	Melaka	12	4.8
	Negeri Sembilan	12	4.8
	Pahang	28	11.2
	Perak	37	14.8
	Perlis	1	0.4
	Pulang Pinang	14	5.6
	Sabah	13	5.2
	Sarawak	34	13.6
	Selangor	23	9.2
	Terengganu	15	6.0
	W.P. Kuala Lumpur	7	2.8
	W.P. Labuan	3	1.2

Jadual 2 menunjukkan bilangan respondan paling tinggi dari Perak 37 (14.8%), diikuti Sarawak 34 (13.6%), Pahang 28 (11.2%), Kedah dan Selangor masing-masing 23 (9.2%), Johor 16 (6.4%), Terengganu 15 (6.0%), Pulau Pinang 14 (5.6%), Sabah 13 (5.2%), Kelantan, Melaka, dan Negeri Sembilan masing-masing 12 (4.8%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 7 (2.8%), Wilayah Persekutuan Labuan 3 (1.2%) dan Perlis 1 (0.4%).

#### 4.2.2 Status Pemasangan 1BestariNet

Pemasangan 1BestariNet ke 10,000 buah sekolah rendah dan menengah dilakukan secara berperingkat mulai tahun 2012. Projek ini bertujuan melengkapi sekolah dengan capaian Internet berkelajuan tinggi 4G dan membolehkan warga sekolah berinteraksi, mengakses dan berkongsi bahan pembelajaran serta berkomunikasi melalui platform VLE.

**Jadual 3: Capaian Internet di Sekolah**

Maklumat	Kategori	Bil. Sampel (N= 250)	Peratus (%)
Pemasangan 1BestariNet	Ya	222	88.8
	Tidak	28	11.2
Keadaan capaian Internet	Baik	45	18.0
	Sederhana	94	37.6
	Kurang memuaskan	76	30.4
	Tidak memuaskan	31	12.4
	Tiada capaian	4	1.6

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat 222 buah sekolah (88.8%) telah dipasang dengan rangkaian 1BestariNet. Manakala 28 buah sekolah (11.2%) yang belum dipasang

mendapat perkhidmatan daripada pembekal lain iaitu Telekom Malaysia Bhd., Celcom Axiata Bhd., YTL Communications Sdn. Bhd., dan Danawa Resources Sdn. Bhd..

Sebanyak 42.8 peratus responden mengatakan keadaan capaian adalah kurang atau tidak memuaskan, 37.6 peratus mengatakan keadaan capaian Internet sederhana, dan 18.0 peratus mengatakan keadaan capaian Internet adalah baik. Hanya 1.6 peratus sahaja yang mengatakan tiada capaian Internet di sekolah.

### 4.3 Hasil Kajian

#### 4.3.1 Soalan Kajian 1: Apakah persepsi peserta kursus tentang kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas?

Maklum balas 1267 peserta telah dikumpulkan melalui aplikasi i-Penilaian secara dalam talian. Maklum balas tersebut telah dianalisis dan ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4: Rumusan penilaian kursus BK09**

Item Penilaian	% Pencapaian
Objektif sesi latihan tercapai	93.86%
Kandungan kursus yang disampaikan mudah difahami	94.08%
Kandungan sesi latihan sesuai dengan keperluan tugas	94.54%
Sesi latihan akan membantu dalam menjalankan tugas	94.58%
Kaedah sesi latihan merangsang pembelajaran aktif	93.82%
Penggunaan masa sesi latihan berkesan	90.79%
Jawapan yang memuaskan kepada soalan peserta	94.39%

Jadual 4 menunjukkan bahawa 93.86 peratus peserta yang memberikan maklum balas selepas kursus menyatakan bahawa objektif sesi latihan tercapai; 94.08 peratus menyatakan kandungan kursus yang disampaikan mudah difahami; 94.54 peratus menyatakan bahawa kandungan sesi latihan sesuai dengan keperluan tugas; 93.82 peratus menyatakan kaedah sesi latihan merangsang pembelajaran aktif; 90.79 peratus menyatakan penggunaan masa sesi latihan berkesan; dan 93.58 peratus berpendapat bahawa sesi latihan akan membantu dalam menjalankan tugas.

Pada keseluruhannya kepuasan peserta terhadap kursus Pengurusan Pembelajaran Maya telah mencapai 93.72 peratus, iaitu pada tahap cemerlang.

Jika ditinjau mengikut setiap sesi kursus, peratus kepuasan peserta dapat ditunjukkan seperti Jadual 5. Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya dilaksanakan dalam 5 sesi, iaitu: Sesi 1: Konsep Pembelajaran Maya; Sesi 2: Laman Pembelajaran; Sesi 3: Pengurusan Pelaksanaan Pembelajaran Maya (Emel, Analytics, User, Sokongan); Sesi 4: Pengurusan

Pelaksanaan Pembelajaran Maya (Penyediaan Pelan Tindakan); dan Sesi 5: Pengurusan Pelaksanaan Pembelajaran Maya (Pembentangan & Rumusan).

**Jadual 5: Peratus kepuasan peserta kursus mengikut item penilaian dan sesi kursus**

ITEM	SESI				
	1	2	3	4	5
V1 Objektif sesi latihan tercapai	93.76%	93.84%	94.04%	93.71%	93.93%
V2 Kandungan kursus yang disampaikan mudah difahami	93.86%	93.97%	93.96%	94.08%	94.55%
V3 Kandungan sesi latihan sesuai dengan keperluan tugas	94.07%	94.48%	94.85%	94.71%	94.61%
V4 Sesi latihan akan membantu dalam menjalankan tugas	94.14%	94.73%	95.15%	94.52%	94.34%
V5 Kaedah sesi latihan merancang pembelajaran aktif	93.81%	93.82%	94.46%	93.69%	93.30%
V6 Penggunaan masa sesi latihan berkesan	90.55%	90.64%	90.86%	90.79%	91.11%
V7 Jawapan yang memuaskan kepada soalan peserta	93.98%	94.48%	94.62%	94.37%	94.50%

Jadual 5 menunjukkan perincian kepuasan mengikut setiap item dan setiap sesi dapat dirumuskan bahawa kepuasan bagi semua item adalah melebihi 93 peratus iaitu antara 93.71 – 94.85 peratus, kecuali item V6 dengan kepuasan dalam lingkungan 90.55 – 91.11 peratus.

#### **4.3.2 Soalan Kajian 2: Adakah berlaku perubahan tingkah laku pengetua dan guru besar dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus PPM untuk menjalankan tugas mereka?**

Soalan kajian ini berfokus kepada perubahan tingkah laku dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan VLE di sekolah.

#### **Aspek Perancangan VLE**

Aspek perancangan VLE merangkumi penubuhan jawatan kuasa VLE, menetapkan mesyuarat berkala, menetapkan KPI penggunaan VLE dan menghasilkan pelan tindakan. Maklumat tersebut ditunjukkan dalam Jadual 6.

**Jadual 6: Perancangan VLE**

Item	Respons	Bil. Sampel (N= 250)	Peratus (%)
Saya telah menetapkan KPI penggunaan VLE di sekolah	Ya Tidak	205 45	82.0 18.0
Saya telah menghasilkan pelan tindakan penggunaan VLE di sekolah	Ya Tidak	216 34	86.4 13.6

Berdasarkan Jadual 6, didapati 82.0 peratus responden telah menetapkan KPI penggunaan VLE di sekolah masing-masing. Hal ini menunjukkan majoriti pemimpin sekolah mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui kursus PPM. Mereka mengambil inisiatif ini untuk memastikan pihak sekolah mempunyai hala tuju penggunaan VLE.

Dapatan juga menunjukkan bahawa 86.4 peratus responden telah menghasilkan pelan tindakan VLE. Pelan tindakan menyediakan garis panduan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Pelaksanaan aktiviti yang dirancang ini akhirnya dapat mencapai objektif dan KPI penggunaan VLE di sekolah. Sebanyak 18 peratus responden yang tidak menyediakan pelan tindakan. Sebilangan responden mengatakan kekangan capaian internet untuk mengakses VLE, pertukaran pemimpin sekolah, dan kemahiran penggunaan VLE menimbulkan kesukaran kepada mereka untuk merancang tindakan yang akan dilakukan. Terdapat juga responden yang mengatakan bahawa mereka masih dalam proses menyediakan pelan tindakan.

### **Aspek Pelaksanaan VLE**

Aspek pelaksanaan VLE merangkumi penubuhan jawatankuasa pelaksana; mesyuarat berkala; promosi penggunaan VLE; latihan VLE; dan sokongan VLE. Maklumat tersebut ditunjukkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7: Pelaksanaan VLE**

Item	Respons	Bil. Sampel (N= 250)	Peratus (%)
Penubuhan jawatankuasa pelaksana VLE di sekolah	Ya	243	97.2
	Tidak	7	2.8
Penetapan mesyuarat berkala bersama jawatankuasa pelaksana VLE	Ya	156	62.4
	Tidak	94	37.6
Promosi penggunaan VLE kepada guru	Ya	248	99.2
	Tidak	2	0.8
Promosi penggunaan VLE kepada murid	Ya	206	82.4
	Tidak	44	17.6
Promosi penggunaan VLE kepada ibu bapa	Ya	140	56.0
	Tidak	110	44.0
Latihan VLE kepada guru	Ya	224	89.6
	Tidak	26	10.4
Nombor telefon meja bantuan VLE kepada guru	Ya	203	81.2
	Tidak	47	18.8
Perkongsian panduan penggunaan dalam <i>Learn Centre</i> dengan guru	Ya	141	56.4
	Tidak	109	43.6

Berdasarkan Jadual 7, didapati 97.2 peratus responden menukuhkan jawatankuasa pelaksana VLE di sekolah; 62.4 peratus responden menetapkan mesyuarat berkala bersama

jawatankuasa pelaksana VLE; 99.2 peratus responden mempromosikan penggunaan VLE kepada semua guru; 82.4 peratus responden mempromosikan penggunaan VLE kepada semua murid; 56.0 peratus responden mempromosikan penggunaan VLE kepada ibu bapa; 89.6 peratus responden melaksanakan latihan VLE kepada semua guru; 81.2 peratus responden memberikan nombor telefon meja bantuan VLE kepada semua guru; 56.4 peratus responden berkongsi panduan penggunaan dalam *Learn Centre* dengan guru.

Bagi responden yang mengadakan latihan VLE kepada semua guru, 84.8 peratus telah melaksanakan latihan antara 1 hingga 4 kali setahun. Manakala 9.8 peratus melaksanakan latihan antara 5 hingga 10 kali setahun. Sejumlah 5.4 peratus tidak memberikan respons kepada bilangan latihan yang diadakan. Hal ini menunjukkan, pemimpin sekolah begitu komited untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan VLE dalam kalangan guru. Justeru, berlaku perubahan tingkah laku dalam kalangan pemimpin sekolah untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus PPM.

Bagi responden yang mengadakan mesyuarat VLE, 45.5 peratus telah mengadakan mesyuarat antara 3 hingga 5 kali setahun. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan VLE di sekolah.

Dengan melaksanakan perkara-perkara di atas, pemimpin sekolah yang telah menghadiri kursus PPM dapat memindahkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di tempat kerja. Hal ini dapat dilihat, majoriti pemimpin sekolah telah mengaplikasikan aspek-aspek yang terdapat dalam modul kursus PPM.

### **Pemantauan VLE**

Penggunaan fungsi *Analytics* dan *School Dashboard* dalam VLE mewakili aspek pemantauan. Maklumat tersebut ditunjukkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8: Pemantauan VLE**

Item	Respons	Bil. Sampel (N= 250)	Peratus (%)
Penggunaan fungsi <i>Analytics</i> dalam VLE	Ya	136	54.4
	Tidak	114	45.6
Pengemaskinian <i>School Dashboard</i>	Ya	201	80.4
	Tidak	49	19.6

Berdasarkan Jadual 8, didapati 54.4 peratus responden menggunakan fungsi *Analytics* untuk memantau penggunaan VLE dan penghasilan site 80.4 peratus responden memastikan *School Dashboard* sentiasa dikemaskini.

### **4.3.3 Soalan Kajian 3: Apakah cadangan penambahbaikan bagi Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya?**

#### **Sesi 1**

Peserta kursus diberikan peluang untuk menilai setiap sesi pengajaran bagi tujuan penambahbaikan. Penilaian dibuat sebaik sahaja tamat setiap sesi kursus atau mereka diberikan tempoh masa 7 hari bekerja untuk mengisi Borang BK09 secara dalam talian. Maklum balas yang diberikan oleh 1267 peserta telah dikumpul dan dianalisis.

**Jadual 9: Cadangan penambahbaikan bagi Sesi 1**

Cadangan	Bilangan
Menambah peruntukan masa	326
Meningkatkan kelajuan capaian Internet	69
Menambah tenaga pengajar	39
Mengadakan aktiviti Hands-on	24
Suasana kondusif	29
Meningkatkan mutu penyampaian	8
Menyediakan bahan pembelajaran	3

Jadual 9 menunjukkan cadangan penambahbaikan bagi Sesi 1. Terdapat 326 cadangan supaya peruntukan masa ditambah manakala terdapat 69 cadangan supaya kelajuan capaian Internet ditingkatkan. Peserta menyatakan cadangan ini perlu untuk melancarkan pembelajaran. Mereka perlu log masuk dengan menggunakan ID pengguna dan kata laluan yang betul sebagai persiapan sesi seterusnya yang berbentuk amali (hands-on).

Selain itu, terdapatnya 39 cadangan supaya tenaga pengajar ditambah bagi membantu mereka; 29 cadangan supaya suasana kondusif; 39 cadangan supaya mengadakan aktiviti *hands-on*; 8 cadangan mutu penyampaian ditingkatkan lagi; dan 3 cadangan supaya disediakan bahan pembelajaran kerana terdapat sesetengah pensyarah yang tidak mengedarkan bahan pembelajaran terutamanya sesi amali.

#### **Sesi 2**

Bagi Sesi 2 yang berbentuk amali untuk membina laman pembelajaran, pada keseluruhannya, Jadual 10 menunjukkan bahawa terdapat 29.28 peratus daripada peserta kursus memberikan maklum balas untuk menambahbaik kursus ini pada masa akan datang.

Daripada peserta yang memberikan maklum balas, terdapatnya 20.21 peratus peserta mencadangkan supaya peruntukan masa ditambah bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran menggunakan Widget untuk mengarang kandungan lama (site).

Terdapat 3.00 peratus peserta mencadangkan supaya kelajuan capaian Internet ditingkatkan bagi melancarkan pembelajaran mereka, manakala terdapat 2.13 peratus peserta kursus mencadangkan supaya tenaga pengajar ditambah bagi membantu mereka.

**Jadual 10: Cadangan penambahbaikan bagi Sesi 2**

Cadangan	Bilangan
Menambah peruntukan masa	256
Meningkatkan kelajuan capaian Internet	38
Menambah tenaga pengajar	27
Suasana kondusif	21
Mempelbagaikan aktiviti	14
Meningkatkan mutu penyampaian	10
Menyediakan bahan pembelajaran	5

### **Sesi 3**

Bagi Sesi 3 pula, pada keseluruhannya, Jadual 11 menunjukkan bahawa terdapat 33.46 peratus daripada peserta kursus memberikan maklum balas untuk menambahbaik kursus ini pada masa akan datang.

Daripada peserta yang memberikan maklum balas, terdapatnya 23.05 peratus peserta mencadangkan supaya masa ditambah, manakala terdapat 3.63 peratus peserta mencadangkan supaya kelajuan capaian internet ditingkatkan bagi melancarkan pembelajaran mereka. Terdapat 2.76 peratus peserta kursus mencadangkan supaya tenaga pengajar ditambah bagi membantu mereka.

**Jadual 11: Cadangan penambahbaikan bagi Sesi 3**

Cadangan	Bilangan
Menambah peruntukan masa	292
Meningkatkan kelajuan capaian Internet	46
Menambah tenaga pengajar	35
Menyediakan bahan pembelajaran	23
Mempelbagaikan aktiviti	10
Mengadakan kursus lanjutan	8
Meningkatkan mutu penyampaian	6
Suasana kondusif	4

#### **Sesi 4**

Bagi Sesi 4, iaitu penyediaan pelan tindakan bagi menggalakkan penggunaan VLE di sekolah, pada keseluruhannya, Jadual 12 terdapat 28.02 peratus daripada peserta kursus memberikan maklum balas untuk menambahbaik kursus ini pada masa akan datang.

Daripada peserta yang memberikan maklum balas, terdapatnya 21.07 peratus peserta mencadangkan supaya peruntukan masa ditambah. Ini perlu kerana mereka memerlukan masa yang lebih panjang bagi menyediakan pelan tindakan yang lebih mantap.

Terdapat 2.45 peratus peserta kursus mencadangkan supaya tenaga pengajar ditambah bagi membantu mereka, 2.13 peratus peserta mencadangkan supaya kelajuan capaian internet ditingkatkan bagi melancarkan pembelajaran mereka; manakala 0.79 peratus peserta kursus mencadangkan supaya diberikan contoh pelan tindakan yang baik bagi membantu mereka.

**Jadual 12: Cadangan penambahbaikan bagi Sesi 4**

Cadangan	Bilangan
Menambah peruntukan masa	267
Menambah tenaga pengajar	31
Meningkatkan kelajuan capaian Internet	27
Menyediakan contoh pelan tindakan	10
Mempelbagaikan aktiviti	8
Suasana kondusif	5
Menyediakan bahan pembelajaran	4
Mengadakan kursus lanjutan	2
Pembentangan hasil bengkel	1

#### **Sesi 5**

Bagi Sesi ke-5 iaitu pembentangan pelan tindakan dan rumusan, Jadual 13 menunjukkan bahawa pada keseluruhannya hanya terdapat 16.65 peratus daripada peserta kursus memberikan maklum balas untuk menambahbaik kursus ini pada masa akan datang.

Daripada maklum balas yang diterima, terdapat 11.37 peratus peserta kursus mencadangkan penambahan peruntukan masa supaya semua kumpulan diberikan peluang untuk membentangkan hasil perbincangan kumpulan. Bagi mereka ini peluang pembentangan ini amat penting untuk mengetahui sama ada pelan tindakan yang dibincangkan dalam kumpulan mereka adalah betul.

Analisis juga menunjukkan bahawa terdapat 1.10 peratus peserta kursus mencadangkan supaya diberikan contoh pelan tindakan yang baik bagi membantu mereka dalam menyediakan pelan tindakan penggunaan VLE di sekolah.

Terdapat 0.47 peratus peserta pula mencadangkan supaya diadakan sesi soal jawab untuk berkongsi pengalaman melaksanakan VLE di sekolah atau diberikan peluang untuk mengemukakan masalah yang sedang dihadapai di sekolah.

**Jadual 13: Cadangan penambahbaikan bagi Sesi 5**

Cadangan	Bilangan
Menambah peruntukan masa	144
Meningkatkan kelajuan capaian Internet	21
Menambah aktiviti	14
Menyediakan contoh pelan tindakan	14
Menambah tenaga pengajar	12
Mengadakan sesi soal jawab	6

Secara ringkasnya, cadangan penambahbaikan bagi kelima-lima sesi latihan dapat dilihat seperti dalam Jadual 14 di bawah.

**Jadual 14: Cadangan penambahbaikan mengikut sesi**

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	BILANGAN CADANGAN					
	Sesi 1	Sesi 2	Sesi 3	Sesi 4	Sesi 5	JUMLAH
1 Menambah peruntukan masa	326	256	292	267	144	1285
2 Meningkatkan kelajuan capaian Internet	69	38	46	31	21	205
3 Menambah tenaga pengajar	39	27	35	27	12	140
4 Suasana kondusif	29	21	4	5	0	59
5 Mempelbagaikan aktiviti	0	14	10	8	14	46
6 Menyediakan bahan pembelajaran	3	5	23	4	0	35
7 Mengadakan aktiviti Hands-on	24	0	0	0	0	24
8 Meningkatkan mutu penyampaian	8	10	6	0	0	24
9 Menyediakan contoh pelan tindakan	0	0	0	10	14	24
10 Mengadakan sesi soal jawab	0	0	0	0	6	6
11 Mengadakan kursus lanjutan	0	0	0	2	0	2
12 Pembentangan hasil bengkel	0	0	0	1	0	1

Jadual 14 menunjukkan cadangan penambahbaikan yang paling banyak ialah menambah peruntukan masa (1285) dan diikuti dengan meningkatkan kelajuan capaian Internet (205), menambah tenaga pengajar (140), suasana kondusif (59), mempelbagaikan aktiviti (46), menyediakan bahan pembelajaran (35), mengadakan aktiviti hands-on (24), meningkatkan mutu penyampaian (24), menyediakan contoh pelan tindakan (24), mengadakan sesi soal jawab (6), mengadakan kursus lanjutan (2), dan pembentangan hasil bengkel (1).

#### **4.4 Kesimpulan**

Pada keseluruhannya, kursus ini mencapai tahap kepuasan peserta yang tinggi, iaitu mencapai 85 peratus kepuasan pelanggan mengikut standard kualiti IAB. Peserta kursus memberikan empat cadangan penambahbaikan kursus PPM yang utama, iaitu:

- i) menambah peruntukan masa;
- ii) meningkatkan kelajuan capaian Internet;
- iii) menambah tenaga pengajar;
- iv) suasana kondusif; dan
- v) mempelbagaikan aktiviti.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas pemimpin di sekolah; perubahan tingkah laku untuk menterjemah pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus PPM; dan cadangan-cadangan penambahbaikan berdasarkan persepsi peserta kursus. Keberkesanan kursus PPM hanya dinilai pada tahap reaksi dan tahap tingkah laku dalam Model Penilaian Latihan Kirkpatrick. Persepsi peserta pada tahap reaksi merangkumi kepuasan terhadap latihan yang diikuti dan cadangan-cadangan untuk penambahbaikan. Persepsi peserta pada tahap tingkah laku merangkumi aplikasi pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh setelah mereka kembali bertugas di sekolah masing-masing. Bab ini merumuskan dapatan kajian, cadangan penambahbaikan, implikasinya terhadap IAB, dan kajian lanjutan yang diperlukan.

#### **5.2 Persepsi peserta kursus tentang kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas**

Pada keseluruhannya, peserta kursus menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap kesesuaian kursus PPM dengan keperluan tugas mereka. Kepuasan peserta dinilai berdasarkan tujuh item, iaitu: (i) objektif sesi latihan tercapai, (ii) kandungan kursus yang disampaikan mudah difahami, (iii) kandungan sesi latihan sesuai dengan keperluan tugas, (iv) sesi latihan akan membantu dalam menjalankan tugas, (v) kaedah sesi latihan merancang pembelajaran aktif, (vi) penggunaan masa sesi latihan berkesan, dan (vii) jawapan yang memuaskan kepada peserta.

Bagi setiap item, peserta memberikan skor min kepuasan melebihi 90 peratus iaitu melebihi skor minimum tahap cemerlang menurut standard kualiti latihan yang telah ditetapkan dalam prosedur Pengurusan Kualiti IAB (IAB, 2010). Namun begitu, item penggunaan masa sesi latihan berkesan mendapat skor yang terendah berbanding dengan item lain. Hal ini seiiring dengan 1285 cadangan untuk menambah peruntukan masa latihan dan 140 cadangan untuk menambah bilangan tenaga pengajar.

### **5.3 Perubahan tingkah laku pengetua dan guru besar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui kursus PPM**

Perubahan tingkah laku pengetua dan guru besar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui kursus PPM dilihat dalam tiga aspek pengurusan, iaitu: perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan.

Dalam aspek perancangan, 18.0 peratus peserta belum menetapkan KPI penggunaan VLE dan 13.6 peratus belum menyediakan pelan tindakan pelaksanaan VLE di sekolah. Menurut peserta kursus, tiada capaian Internet atau kelajuan capaian Internet yang perlahaan merupakan sebab utama mereka tidak melakukan perancangan pelaksanaan VLE. Dalam hal ini, tidak berlaku perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Menurut Model Penerimaan Teknologi (Davis, 1989), persepsi kebergunaan (*perceived usefulness*) dan persepsi senang diguna (*perceived ease of use*) adalah faktor penentu kepada penggunaan sistem maklumat. Kedua-dua pembolehubah ini mempengaruhi sikap individu terhadap penggunaan sistem atau teknologi. Sikap dan persepsi kebergunaan pula boleh meramalkan niat perlakuan individu dan kemudian menentukan niat guna yang akhirnya mempengaruhi tingkah laku sebenar seseorang untuk menerima sistem maklumat. Oleh itu, pengetua dan guru besar seharusnya diberi lebih banyak kesedaran tentang kepentingan senang diguna (*ease of use*) dan kebergunaan (*usefulness*) VLE dalam pendidikan supaya mereka berubah sikap dan niat menggunakan VLE.

Aspek pelaksanaan VLE merangkumi penubuhan jawatankuasa pelaksana; mesyuarat berkala; promosi penggunaan VLE; latihan VLE; dan sokongan VLE. Bagi setiap elemen aspek pelaksanaan VLE, 2.8 peratus pengetua dan guru besar belum menubuhkan jawatankuasa pelaksana di sekolah, 17.6 peratus belum mempromosikan penggunaan VLE kepada murid, 0.8 peratus belum mempromosikan penggunaan VLE kepada guru, 44.0 peratus belum mempromosikan penggunaan VLE kepada ibu bapa, 10.4 peratus belum memberi latihan VLE kepada guru, 18.8 peratus belum memberikan nombor telefon Meja Bantuan VLE kepada guru. 37.6 peratus belum membuat penetapan mesyuarat berkala bersama jawatankuasa pelaksana, dan 43.6 peratus belum berkongsi panduan penggunaan *Learn Centre* VLE dengan guru.

Dalam aspek pemantauan pula, 45.6 peratus pengetua dan guru besar belum menggunakan *Analytics* manakala 19.6 peratus belum mengemaskini *dashboard* sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa ramai pengetua dan guru besar masih belum membudayakan VLE dalam pemantauan pelaksanaan VLE di sekolah.

Secara keseluruhannya, kursus PPM ini telah membantu majoriti pengetua dan guru besar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui kursus PPM dalam merancang dan memantau pelaksanaan VLE di peringkat sekolah. Namun, masih terdapat sebilangan pengetua dan guru besar yang belum mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam melaksanakan VLE di sekolah.

#### **5.4 Cadangan-cadangan penambahbaikan peserta kursus**

Cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh peserta kursus berfokus kepada lima aspek utama, iaitu: menambah peruntukan masa, meningkatkan kelajuan capaian Internet, menambah tenaga pengajar, suasana kondusif, dan mempelbagaikan aktiviti.

Peserta memberikan cadangan supaya tempoh masa sesi kursus dipanjangkan. Hal ini adalah kerana 80 peratus tempoh kursus adalah berbentuk amali. Selain itu, berdasarkan pemerhatian sepanjang sesi latihan didapati peserta kursus mempunyai tahap kemampuan yang berbeza-beza. Peserta memerlukan lebih banyak masa untuk menguasai kemahiran aplikasi VLE secara amali. Menurut Cerrito dan Levi (1999) peruntukan masa dan peningkatan keyakinan menunjukkan hubungan positif. Oleh itu, cadangan ini harus diberi pertimbangan supaya peserta lebih yakin dalam meneroka aplikasi VLE dengan sendiri.

Peserta mencadangkan kelajuan capaian Internet dipertingkat kerana latihan amali sering tergendala disebabkan capaian Intenet yang kurang memuaskan. Hal ini mengganggu kelancaran sesi latihan amali VLE dan seterusnya mengurangkan minat dan motivasi peserta.

Peserta mencadangkan penambahan tenaga pengajar kerana seorang tenaga pengajar tidak mencukupi untuk membimbing 30 orang peserta bagi setiap sesi latihan. Peserta terpaksa menunggu untuk mendapatkan tunjuk ajar daripada tenaga pengajar yang sedang membimbing peserta lain. Hal ini bertambah kritikal apabila terdapat isu kurang kemahiran untuk mengakses aplikasi VLE atau masalah teknikal komputer.

Peserta mencadangkan suasana kondusif kerana terdapat sesetengah tempat latihan tidak mempunyai kemudahan ICT yang lengkap atau mencukupi. Semua kursus PPM ini dilaksanakan di luar kampus IAB Induk. Lokasi latihan dipilih oleh JPN dan PPD setelah mempertimbangkan pelbagai faktor. Hal ini bererti, pemilihan lokasi latihan perlu diberikan perhatian lebih bagi memastikan peserta belajar dalam suasana yang selesa.

Peserta mencadangkan supaya mempelbagaikan aktiviti latihan. Hal ini kerana 80 peratus daripada tempoh kursus adalah tertumpu kepada amali dan berbentuk teknikal. Keadaan ini menyebabkan mereka berasa tertekan disebabkan berbeza dengan tugas rutin.

Walau bagaimanapun, selain kuliah, kursus ini juga merangkumi aktiviti amali, bengkel, perbincangan kumpulan, pembentangan hasil, dan sesi soal jawab. Oleh itu, semua aktiviti ini perlu diberikan penekanan masa yang sewajarnya.

Akhir sekali, bahan sokongan pembelajaran seperti nota dan contoh pelan tindakan seharusnya disediakan untuk memudahkan pengetua dan guru besar membuat rujukan dari masa ke masa.

### **5.5 Implikasi kepada IAB**

Selaras dengan peranan dan fungsi IAB, dapatan kajian ini membolehkan pihak IAB mengambil inisiatif untuk menambah baik pengurusan pelaksanaan kursus PPM pada masa akan datang. Bagi meningkatkan keberkesanan kursus ini, aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian ialah:

- (i) menambah tenaga pengajar;
- (ii) mengkaji semula tempoh dan isi kandungan kursus;
- (iii) menyampaikan isu capaian Internet kepada pihak yang bertanggungjawab;
- (iv) mengkaji semula kaedah penyampaian latihan; dan
- (v) memastikan lokasi latihan adalah sesuai dan kondusif.

Bagi memastikan latihan yang diberikan membawa kepada perubahan tingkah laku peserta maka pihak IAB seharusnya melaksanakan program *follow up* dan *follow through* bagi membantu pengetua dan guru besar untuk menjayakan pembudayaan VLE dalam PdP dan pengurusan di sekolah.

### **5.6 Cadangan kajian lanjutan**

Menurut Chan (2003), model Kirkpatrick merupakan kerangka yang paling sesuai untuk menilai keberkesanan sesuatu program. Bagi kajian ini, penyelidik hanya bertumpu kepada tahap reaksi dan tahap tingkah laku manakala tahap pembelajaran dan tahap hasil masih belum dikaji. Oleh itu, penyelidik mencadangkan kajian yang merangkumi keempat-empat tahap dijalankan untuk mendapatkan maklumat menyeluruh tentang pencapaian yang diperoleh oleh individu dan organisasi selepas pelaksanaan sesuatu program.

### **5.7 Kesimpulan**

Dalam bidang pendidikan, sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai katalis atau pencetus inovasi pembelajaran telah mendapat pengiktirafan yang meluas

daripada para pendidik. Namun begitu, proses integrasi TMK dalam pembelajaran dan pengajaran tetap menghadapi cabaran.

Dalam buku *Stratosphere: Integrating Technology, Pedagogy, and Change Knowledge*, Fullan (2012) menggariskan empat kriteria yang menjadi cabaran bagi mengintegrasikan teknologi dan pedagogi dalam menghasilkan pembelajaran yang inovatif untuk semua murid dalam abad ke 21. Keempat-empat kriteria adalah seperti yang berikut:

- i) Wujudnya keterdesakan yang tidak dapat ditolak oleh murid dan guru
- ii) Mudah diakses dan cekap diguna
- iii) Teknologi yang diakses di mana-mana dan bila-bila sahaja (24/7)
- iv) Penyelesaian masalah kehidupan seharian

Justeru, pengetua dan guru besar sekolah yang menghadiri kursus PPM telah dilatih untuk merancang pelan tindakan bagi mewujudkan keterdesakan tentang aplikasi VLE dalam kalangan guru, murid dan ibubapa. Di samping, pelan tindakan juga merangkumi inisiatif meningkatkan kemahiran dan kecekapan guru dan murid menggunakan VLE serta mengambil tindakan memastikan teknologi mudah diakses pada bila-bila waktu di sekolah. Penggunaan VLE juga telah membantu mengurangkan beban murid dan guru sebab bahan pembelajaran dapat diakses dengan mudah.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa kursus PPM berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengetua dan guru besar untuk menggunakan VLE dalam tujuan pemantauan pelakasanaan VLE serta merancang pelan tindakan untuk membudayakan VLE di sekolah.

## **RUJUKAN**

- Adamss D.A., Nelson, R. R., Todd P. A. (1992). Perceived Usefulness, Ease of Use, and Usage of Information Technology: A Replication. *MIS Quarterly*, Vol. 16, No. 2. pp. 227-247.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan (Edisi kedua)*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bowker, M.H. (2010). Teaching students to ask questions instead of answering them. *The NEA Higher Education Journal*. 127 – 134.
- Bramley, P. (1996). *Evaluation of training effectiveness: Benchmarking your training activity against best practices*. (2<sup>nd</sup> ed.). London: McGraw Hill.
- Bruce, B.C., and Levin, J.A. (1997), "Educational technology: Media for inquiry, communication, construction, and expression", *Journal of Educational Computing Research*, Vol. 17, Issue 1, pp. 79-102. Dicapai daripada <http://www.lis.uiuc.edu/~chip/pubs/taxonomy/index.html> pada 30 Jan 2015.
- Cerrito, P. B., & Levi, I. (1999). An investigation of student habits in mathematics courses. *College Student Journal*, 33(4), 584.
- Chan Y. F. (2003). Pendekatan Penilaian: Satu Tinjauan dari Aspek Kesesuaian dalam Penilaian Program Latihan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Jld.13, Bil. 1, Jun.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. (2<sup>nd</sup> ed.). California: SAGE Publications.
- Cronbach, L.J. (2000). "Course improvement through evaluation" in Stufflebeam, D.L, Madaus, G.F. & Kelaghan, T. (2000). *Evaluation Models: Viewpoints on Educational and Human Services Evaluation*. (2<sup>nd</sup> ed.). Boston: Kluwer Academic Press.
- Dart, J., R. J. Petheram and Straw, W., (1998). Review of evaluation in Agricultural Extension. Dicapai daripada <https://rirdc.infoservices.com.au/downloads/98-136.pdf> pada 15 Jun 2015.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13, 983–1003.
- Fitzpatrick, J.L., Worthen, B.R., Sanders, J.R. (1997). *Program evaluation: Alternative approaches and practical guidelines*. (2<sup>nd</sup> ed). White Plains, NY: Addison Wesley Longman.

- Fullan, M. (2012). *Stratosphere: Integrating technology, pedagogy, and change knowledge*. Cambridge: Pearson.
- Glaserfeld, E. (1989). *Cognition, construction of knowledge, and teaching*. Synthese, 80 (1):121-140.
- Gliner, J. A., Morgan, G. A., & Leech, N. L. (2009). *Research methods in applied settings: An Integrated approach to design and analysis (2<sup>nd</sup> ed.)*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Ibrahim Mamat. (1996). *Reka bentuk dan pengurusan latihan: Konsep dan amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ida Norini Mahamad Tajudin (2014). *Kajian tinjauan mengenai keberkesanan penggunaan konsep pembelajaran persekitaran maya (Frog VLE) di kalangan murid SK Hj Mohd, Chemor, Perak*. Kertas projek kursus kaedah tinjauan (belum diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Institut Aminuddin Baki. (2010). *Manual Pengurusan Kualiti IAB*. Pahang.
- Jonassen, D.H. (1991). Objectivism versus constructivism. Do we need a new philosophical paradigm? *Educational Technology Research and Development*, 39(3), 5-14.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2013). MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2013. Dicapai daripada <https://www.audit.gov.my/images/pdf/LKAN2013/Persekutuan/Siri3/LKAN2013%20%20Persekutuan%20MaklumBalas%20Siri%203%20MASTER.pdf> pada 16 Jun 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025*, Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Soalan Lazim. Dicapai daripada Portal 1Bestarinet [http://1bestarinet.net/?page\\_id=21](http://1bestarinet.net/?page_id=21) pada 9 Januari 2015.
- Kirkpatrick, D.L. (1983). Four steps to measuring training effectiveness. *Personnel Administrator*, 28(11), 19-25.
- Kirkpatrick, D.L. (1994). *Evaluating training programs: The Four levels*. San Francisco: Berrett-Koehler.
- Kirkpatrick, D.L. (2000). Evaluating training programs: The four levels. The ASTD. *Handbook of Training Design and Delivery*, New York: McGraw Hill.
- Leedy, P. D. (1993). *Practical research: Planning and design*. (5<sup>th</sup> ed.). New York: Macmillan.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Mohd Izham Mohd Hamzah & Norazah Mohd Nordin (2007). Peranan pentadbir dalam proses perubahan terancang: Integrasi ICT dan pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Jld.17, Bil. 2, Disember.

Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Nik Azmah Nik Yusuff & Rosnidar Mansor (2014). Aplikasi Persekutaran Pengajaran Maya(VLE Frog). *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*. Vol. 3, No. 2.

Nurul Farhana Junus. (2013). *Aplikasi Virtual Learning Environment (VLE) Frog dalam Pengajaran dan Pembelajaran oleh Guru di Sekolah-sekolah Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana (belum diterbitkan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Nurul Farhana Junus. (2013). Cabaran dalam mengimplementasi virtual learning environment (VLE) Frog dalam pengajaran dan pembelajaran oleh guru di sekolah-sekolah di Malaysia. Dicapai daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdffail/ptkghdfwP2/Nurul%20Farhana%20Bt%20Junus.TP.pdf> pada 14 Februari 2015.

Petty, G. (2004). *Teaching today: A practical guide*. (3<sup>rd</sup> ed.). Cheltenham. Nelson Thornes.

Pimentel, J.R. (1999). Design of net-learning systems based on experiential learning. *Journal of Asynchronous Learning Networks* 3(2), 64-90. Dicapai daripada <http://technologysource.org/extra/341/definition/1/> pada 24 Januari 2015.

Reeves, M. (1994). *Evaluation of training*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.

Rheingold, H. (2004), Virtual learning enviroment (VLE). Dicapai daripada <http://www.thefeature.com/articleid=100499&ref=2337881> pada 23 Januari, 2015.

Scriven, J.R. Chair. (1991). *The Joint Committee on standards for educational evaluation. The program evaluation standards: How to assess evaluations of educational program*. (2<sup>nd</sup> ed.). Thousands Oak: SAGE publication.

Szajna, B. (1996). Empirical evaluation of the revised technology acceptance model. *Journal Management Science*. Volume 42, Issue 1, Jan. pp. 85-92.

Uma Sekaran. (2000). *Research methods for business: A skill-building approach* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: John willey & Sons, Inc.

Utusan Online. (2014). VLE masih pada tahap rendah. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/vle-masih-pada-tahap-rendah-1.23320#sthash.oAUv2K1n.dpuf> pada 9 Januari 2015.

Wallace, M. J. (1991). *Training foreign language teachers: A reflective approach*. New York: Cambridge University Press.

Wan Mustama Wan Abdul Hayat, Ahmad Rafee Che Kassim, Mazlan Shamsudin & Elhammi Hj. Ahmad (2004). Integrasi ICT dalam pengurusan dan Kepimpinan: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Jld. 14, Bil. 2, Disember.



## LAMPIRAN A

**BK09**

### **BORANG MAKLUM BALAS SESI LATIHAN**

Tajuk Sesi Latihan : .....

Kod Kursus : .....

Nama Jurulatih : .....

Tarikh Kursus : .....

***Lorekkan pilihan anda mengikut skala yang tertera.***

	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Kurang Setuju</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat Setuju</b>
1. Objektif sesi latihan tercapai	①	②	③	④
2. Kandungan sesi latihan mudah difahami	①	②	③	④
3. Kandungan sesi latihan sesuai dengan keperluan tugas	①	②	③	④
4. Sesi latihan akan membantu dalam menjalankan tugas	①	②	③	④
5. Kaedah sesi latihan merangsang pembelajaran aktif	①	②	③	④
6. Penggunaan masa sesi latihan berkesan	①	②	③	④
7. Jawapan yang memuaskan kepada soalan peserta	①	②	③	④
8. Apakah aspek dalam sesi latihan yang sangat bernilai untuk diri anda? Mengapa?	.....	.....	.....	.....

9. Apakah aspek dalam sesi latihan yang perlu penambahbaikan? Mengapa?

.....  
.....  
.....  
.....

*Kami mengalu-alukan maklum balas dan komen anda supaya dapat meningkatkan kualiti khidmat sesi latihan yang dikendalikan pada masa akan datang*

*Teima kasih.*

**LAMPIRAN B**  
**Borang Soal selidik**

**Kajian Keberkesanan Kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (VLE) Kepada Pemimpin Sekolah**

Arahan: Tuan/Puan yang dihormati, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas peserta yang telah menghadiri kursus Pengurusan Pembelajaran Maya (VLE) anjuran Institut Aminuddin Baki pada tahun 2014. Data yang dikumpulkan hanya digunakan untuk meningkatkan keberkesanan kursus pada masa akan datang. Kerjasama tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**A. Maklumat Peserta**

**1. Jawatan \***

Jika lain-lain, nyatakan jawatan.

**2. Kategori Sekolah \***

- Sekolah menengah
- Sekolah rendah

**3. Kod Sekolah \***

**4. Daerah PPD**

**5. Negeri \***

**B. Maklumat Capaian Internet di Sekolah**

**1. Sekolah saya telah dipasang 1BestariNet \***

- YA
- TIDAK

Jika TIDAK, nyatakan nama pembekal perkhidmatan Internet

---

**2. Kelajuan capaian Internet yang dibekalkan**

- 1 Mbps
- 2 Mbps
- 4 Mbps
- 8 Mbps
- 10 Mbps

**3. Jenis sambungan Internet. \***

(boleh tanda lebih daripada satu jawapan)

- Tanpa wayar (wireless)
- Berwayar (wired/cable)
- VSAT
- Lain-lain
- Other:

**4. Keadaan capaian \***

- Baik
- Sederhana
- Kurang memuaskan
- Tidak memuaskan
- Tiada capaian

**C. Maklum Balas Peserta Terhadap Pelaksanaan VLE di Sekolah.**

Sila jawab semua soalan.

**1. Saya telah menghasilkan pelan tindakan penggunaan VLE di sekolah. \***

- YA
- TIDAK

Jika TIDAK, nyatakan kenapa.

---

**2. Saya telah menetapkan KPI penggunaan VLE di sekolah. \***

- YA
- TIDAK

**3. Saya telah menubuahkan jawatankuasa pelaksanaan VLE di sekolah \***

- YA
- TIDAK

**4. Saya telah mempromosikan penggunaan VLE kepada semua guru. \***

- YA
- TIDAK

**5. Saya telah mempromosikan penggunaan VLE kepada semua murid. \***

- YA
- TIDAK

**6. Saya telah mempromosikan penggunaan VLE kepada ibu bapa. \***

- YA
- TIDAK

**7. Saya ada melaksanakan latihan VLE kepada semua guru. \***

- YA
- TIDAK

Jika YA, nyatakan berapa kali.

**8. Saya telah memberikan nombor telefon meja bantuan VLE kepada semua guru \***

- YA
- TIDAK

**9. Saya pernah berkongsi panduan penggunaan dalam 'Learn Center' dengan guru. \***

- YA
- TIDAK

**10. Saya ada menggunakan fungsi Analytics dalam VLE. \***

- YA
- TIDAK

Jika YA, nyatakan berapa kali dalam seminggu.

**11. Saya memastikan School Dashboard sentiasa dikemaskini. \***

- YA
- TIDAK

**12. Saya telah menetapkan mesyuarat berkala bersama jawatankuasa pelaksanaan VLE. \***

- YA
- TIDAK

Jika YA, nyatakan berapa kali dalam tahun 2014.

**13. Saya pernah menggunakan aplikasi VLE yang berikut:**

(Boleh pilih lebih daripada satu jawapan)

- Dashboard peribadi
- Calendar
- Booking Calendar
- School Dashboard
- Users
- Groups
- School Documents
- Sites
- Help & Support
- Widgets
- Agreement Report
- Parents noticeboard
- Quick launch
- Assignment monitor
- 1BestariNet ID

**14. Apakah pandangan anda terhadap pelaksanaan VLE di sekolah. \***

---

---